

02 MAR 1998

KERAJAAN AKAN KAJI MASALAH PEMBIAYAAN PROJEK MONOREL, KATA PM

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji permintaan daripada kontraktor projek monorel Kuala Lumpur bagi mendapatkan beberapa bentuk bantuan kewangan.

KL PRT Sdn Bhd, kontraktor bagi projek itu dilaporkan berdepan dengan masalah mudah tunai.

Dr Mahathir berkata perkara itu sepatutnya tidak menjadi satu masalah kerana syarikat berkenaan boleh meminjam daripada bank dan meneruskan projek itu.

"Sepatutnya tidak wujud sebarang masalah. Saya rasa mereka boleh meminjam wang dan sudah tentu mereka mesti meminjam," katanya apabila diminta memberi ulasan mengenai kelewatan penyiapan projek monorel itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin membantu kontraktor terbabit jika ia menghadapi masalah dengan kos pinjaman.

"Bank mempunyai wang sekarang dan kadar faedah juga telah turun...mereka sepatutnya mampu meminjam wang untuk meneruskan projek itu," tambahnya.

"Kemungkinan kos pinjaman menjadi masalah kepada mereka, tetapi kerajaan akan mengkaji masalah itu," katanya.

KL PRT menyatakan Jumaat lalu, ia tidak akan mengeneipkan projek monorel walaupun kadar pembinaan terjejas oleh keadaan kegawatan ekonomi ketika ini.

Bagaimanapun, ia tidak menolak sebarang kemungkinan projek itu tidak akan dapat disiapkan menjelang Sukan Komanwel pada September ini.

Sebagai menjawab dakwaan oleh anggota parlimen Segambut Dr Tan Kee Wong bahawa projek itu tidak bergerak, pemegang konsesi bagi projek bernilai RM2 bilion itu menyatakan ia telah mengkaji program pembinaan dan sedang merangka pengurusan pembiayaan baru.

Monorel itu akan beroperasi di sepanjang beberapa jalan sibuk di Kuala Lumpur dan melengkapkan rangkaian pengangkutan awam lain bagi Sukan Komanwel. -- BERNAMA

AA MFJ ZK MA